

TEKS UCAPAN NAIB CANSOLOR SEMPENA  
PERASMIAN MAJLIS PESTA KONVOKESYEN

TUAN YANG TERUTAMA, TUN DATUK SERI UTAMA  
MOHD SHAHIL BIN YAKOO, CANSOLOR UNIVERSITI

PETANG BERTEMPAT DI

## PESTA KONVOKESYEN KETIGA UTeM

DISAMPAIKAN DAN  
LAKSANAKAN  
WISMA MELAKA DAN  
MELAKA

TERLEBIH DARI KAMI SELURUH WARGA UTAM  
DENGAN BESAR HATI MENDALIMI ALIRNY  
KENYATAAN TUAN YANG TERUTAMA TUN  
CANSOLOR PADA MAJLIS PERASMIAN  
KENYATAAN TUAN YANG TERUTAMA TUN  
CANSOLOR BEKTI MEMAMBILKAN SUDUT PADA  
MAJLIS YANG DADAKAN

**TEMPAT:**  
**MITC**  
**MELAKA**

SEBUKAH PUJIAN BAGI ALLAH TUNJUK  
ALAM YANG TELAH MEMBIDUKAN KITA UNTUK  
SAMA SAMA BERKUMPUL PADA MAJLIS PERASMIAN  
PESTA KONVOKESYEN KETIGA UNIVERSITI  
TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA (UTeM) PADA  
PETANG 03 MARI 2007 KITA BERSEKUTU  
LAMPYAN KUBANG DAN BEMAT YANG  
DIBERIKAN

SAYA WAKIL PIMPIN SELURUH WARGA UTAM  
JUGA MENGUCAPKAN BITAIR KASIH KEPADA  
TUAN YANG TERUTAMA TUN CANSOLOR YANG  
SENTASA MARHAJAH KOMITMEN TERUS DAN HADIR  
PADA SETAP PROGRAM YANG DIHADIRI OLEH  
UNIVERSITI

**TARIKH :**  
**03 OGOS 2007**

TEKS UCAPAN NAIB CANSOLOR SEMPENA  
PERASMIAN MAJLIS PESTA KONVOKESYEN  
KETIGA UTeM PADA 03 OGOS 2007, JAM 3.00  
PETANG BERTEMPAT DI MITC, MELAKA.

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM

ASSALAMUALAIKUM

WARAHMATULLAHIWABARAKATUH DAN SALAM  
SEJAHTERA.

SEGALA PUJI-PUJIAN BAGI ALLAH TUHAN SEKALIAN  
ALAM YANG TELAH MENGIZINKAN KITA UNTUK  
SAMA-SAMA BERKUMPUL PADA MAJLIS PERASMIAN  
PESTA KONVOKESYEN KETIGA UNIVERSITI  
TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA (UTeM) PADA  
PETANG INI. MARILAH KITA BERSYUKUR DENGAN  
LIMPAH KURNIA DAN NIKMAT YANG TELAH  
DIBERIKAN.

TUAN YANG TERUTAMA TUN DATUK SERI UTAMA  
MOHD KHALIL BIN YAAKOB, CANSOLOR UNIVERSITI  
TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA.

TERLEBIH DAHULU KAMI SELURUH WARGA UTeM  
DENGAN BESAR HATI MENGALUKAN-ALUKAN  
KEHADIRAN TUAN YANG TERUTAMA TUN  
CANSOLOR PADA MAJLIS INI. SESUNGGUHNYA  
KEHADIRAN TUAN YANG TERUTAMA TUN  
CANSOLOR TELAH MENAMBAHKAN SERI PADA  
MAJLIS YANG DIADAKAN INI.

SAYA BAGI PIHAK SELURUH WARGA UNIVERSITI  
JUGA MENGUCAPKAN JUTAAN KASIH KEPADA  
TUAN YANG TERUTAMA TUN CANSOLOR YANG  
SENTIASA MEMBERI KOMITMEN TINGGI DAN HADIR  
PADA SETIAP PROGRAM YANG DIUNDANG OLEH  
PIHAK UNIVERSITI.

SESUNGGUHNYA WARGA UT<sub>e</sub>M AMAT BERTUAH KERANA MEMPUNYAI SEORANG CANSELOR YANG PEKA DENGAN PEMBANGUNAN UNIVERSITI DAN SENTIASA MEMBERIKAN PANDANGAN POSITIF UNTUK MENINGKATKAN IMEJ UT<sub>e</sub>M. UNTUK ITU KAMI MENDOAKAN SEMOGA TUAN YANG TERUTAMA TUN CANSELOR SENTIASA DIANUGERAHKAN DENGAN KESIHATAN YANG BAIK DAN DIRAHMATI ALLAH SWT.

SAYA SETERUSNYA MEMOHON IZIN DARIPADA TUAN YANG TERUTAMA TUN CANSELOR UNTUK BERUCAP KEPADA HADIRIN DAN HADIRAT YANG HADIR.

YANG BERBAHAGIA TAN SRI DATO' SERI MOHAMED SALEH BIN SULONG, PENERUS LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA.

YANG BERHORMAT DATUK HJ YAAKOB BIN MD AMIN

PENERUS JAWATANKUASA PELAJARAN DAN PENGAJIAN TINGGI NEGERI MELAKA.

AHLI-AHLI LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI

YBHG PROF. DR ABU BIN ABDULLAH

TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK DAN ANTARABANGSA)

YBHG DATUK PROF. MADYA DR. ABU BAKAR BIN MOHAMAD DIAH,

TIMBALAN NAIB CANSELOR (PENYELIDIKAN DAN INOVASI)



YBHG DATUK PROF. DR. MOHD NOR BIN HUSAIN  
DEKAN BAHAGIAN HAL EHWAL PELAJAR DAN  
ALUMNI (HEPA)

MERANGKAP, PENGERUSI JAWATANKUASA  
PENGANJUR PESTA KONVOKESYEN UTeM.

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN UNIVERSITI

YANG DIPERTUA MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR  
DAN BARISAN EXCO MPP,

SETERUSNYA MAHASISWAI SERTA HADIRIN DAN  
HADIRAT YANG SAYA HORMATI

PADA SETIAP TAHUN KITA MENGADAKAN PESTA  
KONVOKESYEN SEMPENA MAJLIS KONVOKESYEN  
YANG DILANGSUNGKAN OLEH UNIVERSITI.  
LUMRAHNYA PESTA KONVOKESYEN INI TELAH

MENJADI SATU ACARA TAHUNAN YANG DISAMBUT  
OLEH MANA-MANA UNIVERSITI YANG  
MENGADAKAN MAJLIS KONVOKESYEN.

PADA SETIAP KALI PESTA KONVOKESYEN  
DIADAKAN MAKA SELURUH WARGA UNIVERSITI  
SAMA ADA PELAJAR MAHUPUN STAF AKAN  
BERGANDING BAHU UNTUK MENJAYAKANNYA.  
SIFAT KERJASAMA DAN PEMUPUKAN  
PERSEFAHAMAN YANG TINGGI ADALAH AMAT  
PENTING DALAM MEMASTIKAN PESTA  
KONVOKESYEN DAPAT BERJALAN DENGAN  
LANCAR SERTA MERIAH.

INI KERANA BAGI MENJAYAKAN SESUATU PESTA  
KONVOKESYEN KITA MEMERLUKAN KOMITMEN  
DAN TOLAK ANSUR YANG TINGGI SESAMA WARGA  
UNIVERSITI SAMA ADA DALAM MENGATURKAN  
KEPERLUAN LOGISTIK, MENGADAKAN AKTIVITI  
MAJLIS, MEMBUAT PROMOSI DAN SEBAGAINYA.

KESEMUA INI AKHIRNYA AKAN DAPAT MELAHIRKAN WARGA UNIVERSITI YANG MATANG DAN KENTAL DALAM USAHA KITA UNTUK MENJADIKAN UTeM SEBAGAI SEBUAH UNIVERSITI YANG MAJU.

HADIRIN DAN HADIRAT YANG DIHORMATI

PENGANJURAN PESTA KONVOKESYEN JUGA DAPAT MENGHIMPUNKAN WARGA UNIVERSITI UNTUK SAMA-SAMA MENGAMBIL BAHAGIAN DALAM ACARA-ACARA YANG TELAH DIATURKAN.

PADA TAHUN INI PIHAK JAWATANKUASA PESTA TELAH MENGANJURKAN PELBAGAI AKTIVITI UNTUK DISERTAI OLEH WARGA UNIVERSITI SERTA KELUARGA DAN IA JUGA TERBUKA KEPADA ORANG RAMAI IAITU ANTARANYA IALAH :

i) SUKANEKA TADIKA

- ii) PERTANDINGAN MELUKIS DAN MEWARNA
- iii) CYBER WAR GAMES
- iv) SENAMROBIK
- v) PERTANDINGAN FUTSAL
- vi) UTEM X CHALLENGE DAN SEBAGAINYA

HADIRIN DAN HADIRAT YANG DIHORMATI

PENGLIBATAN WARGA UNIVERSITI DALAM AKTIVITI-AKTIVITI PESTA KONVOKESYEN SEPERTI INI DAPAT MEMBERI RUANG KEPADA MEREKA UNTUK MEREHATKAN MINDA SERTA BEREKREASI DENGAN AHLI KELUARGA, DAN DENGAN ITU IA SECARA TIDAK LANGSUNG AKAN DAPAT MENINGKATKAN MOTIVASI STAF SERTA KUALITI KERJA STAF.



KEHADIRAN KAUM KELUARGA DI KALANGAN WARGA UNIVERSITI KE PESTA KONVOKESYEN INI JUGA DAPAT MENERATKAN SILATURAHIM SESAMA AHLI KELUARGA YANG LAIN. INI KERANA, DI SINI MEREKA DAPAT BERTEMU DAN SALING KENAL-MENGENALI ANTARA SATU SAMA LAIN. DENGAN ITU IA DAPAT MEWUJUDKAN HUBUNGAN KEKELUARGAAN YANG AKRAB DAN HARMONI DI KALANGAN AHLI KELUARGA WARGA UNIVERSITI.

HADIRIN DAN HADIRAT YANG DIHORMATI,

SEMEMANGNYA PESTA KONVOKESYEN INI DIADAKAN PADA SETIAP TAHUN KHUSUSNYA ADALAH BERTUJUAN UNTUK MERAIKAN PARA PELAJAR UTeM YANG BERGRADUAT. TETAPI PENGANJURAN PESTA KONVOKESYEN INI SEBENARNYA TELAH MEMBERI PELUANG KEPADA SEMUA PIHAK TERMASUK MASYARAKAT SETEMPAT

DAN SEKITARNYA UNTUK TURUT SERTA MENJAYAKANNYA.

PADA PESTA KONVOKESYEN KALI KETIGA UTeM INI, PIHAK UNIVERSITI TELAH MENJEMPUT ORANG RAMAI UNTUK BERKUNJUNG SERTA MENYERTAI AKTIVITI-AKTIVITI YANG DIRANCANG. PENYERTAAN ORANG RAMAI DALAM AKTIVITI-AKTIVITI YANG DIADAKAN PADA PESTA KALI INI ADALAH SANGAT MENGGALAKKAN TERUTAMANYA PENYERTAAN KANAK-KANAK TADIKA DALAM PERTANDINGAN MELUKIS, PENYERTAAN JABATAN-JABATAN KERAJAAN DAN PERTUBUHAN DALAM KEJOHANAN RAGBI 7'S UTeM, TRIATHLON DAN UTeM OPEN PAINTBALL TOURNAMENT.

SELAIN ITU PIHAK UNIVERSITI JUGA MEMPELAWA ORANG RAMAI UNTUK HADIR SAMA MENYAKSIKAN FORUM PERDANA EHWAL ISLAM DAN JUGA MENYAKSIKAN AKTIVITI LAIN SEPERTI

PERSEMBAHAN KEBUDAYAAN. PROGRAM SEPERTI INI SELAIN DAPAT MEMBERI INFORMASI KEPADA MASYARAKAT IA JUGA SECARA TIDAK LANGSUNG DAPAT MENDEKATKAN UTeM DENGAN MASYARAKAT SEKITARNYA.

HADIRIN DAN HADIRAT YANG DIHORMATI

PENGANJURAN PESTA KONVOKESYEN INI TELAH MEMBERI PELUANG KEPADA ORANG RAMAI DAN WARGA UNIVERSITI UNTUK BERNIAGA KHUSUSNYA KEPADA PARA PELAJAR. DENGAN ITU IA DAPAT MERANGSANG DAN MENDORONG MINAT WARGA UNIVERSITI KE ARAH PERNIAGAAN.

ASPEK KEUSAHAWANAN KINI TELAH MENJADI FOKUS KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI DALAM USAHA MELAHIRKAN MAHASISWA YANG BERDIKARI SERTA MENJADIKAN KEUSAHAWANAN SEBAGAI

SATU PROFESION. OLEH ITU PESTA KONVOKESYEN INI MENJADI SATU LANDASAN TERBAIK KEPADA MEREKA UNTUK BERJINAK DALAM DUA PERNIAGAAN.

HADIRIN DAN HADIRAT YANG SAYA HORMATI

AKHIR KATA SAYA MENGAMBIL KESEMPATAN INI UNTUK MENGUCAPKAN SYABAS DAN TAHNIAH KEPADA AHLI JAWATANKUASA PELAKSANA MAJLIS PESTA KONVOKESYEN KETIGA UTeM YANG TELAH BEKERJA KERAS BAGI MENJAYAKAN MAJLIS INI, JUGA KEPADA PARA PENGUNJUNG SEMOGA MENDAPAT BANYAK MANFAAT DARIPADA KUNJUNGAN ANDA DI SINI.

TERIMA KASIH KERANA SUDI MELUANGKAN MASA BERSAMA KAMI DI SINI.

SEKIAN, WABILLAHITAUFIK WAL HIDAYAH WASSALAMUALIKUM WRTH WBT.